

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN HIBURAN KEKAL (TERMASUK SNOOKER/KELAB MALAM/KARAOKE/PUSAT VIDEO/RUMAH KELAB/DAN LAIN-LAIN).

| BIL | PERKARA |
|-----|---|
| 1. | Memastikan aktiviti atau kerja-kerja dipremis tidak mengganggu kesihatan atau mengancam keselamatan pekerja dan orang awam atau boleh mencemarkan alam sekitar. |
| 2. | Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi. |
| 3. | Seluruh premis hendaklah sentiasa bebas daripada serangga dan rodensia atau haiwan pemeliharaan dan kacau ganggu dan perkhidmatan ini hendaklah dilesenkan oleh MDKS. |
| 4. | Seluruh premis dikawasan dalam atau luar hendaklah sentiasa bersih dan berkeadaan baik. |
| 5. | Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitarannya. |
| 6. | Mengadakan alat pemadam api yang sesuai dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba didalam premis. |
| 7. | Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti peti ubat dan lain-lain alat perubatan yang diperlukan oleh pekerja. |
| 8. | Dilarang menggunakan mana-mana bilik atau ruang dipremis sebagai tempat tidur (penginapan), tempat makan dan tempat untuk main judi tanpa kebenaran daripada pihak MDKS (Majlis Daerah Kuala Selangor). |
| 9. | Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih dan baik. |